

BIL 3/2024 (JUN)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Pengurusan Perbelanjaan
Kesihatan: Memahami Kemudahan
Pengeluaran Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja (KWSP) Untuk
Keperluan Kesihatan

Memupuk Daya Ketahanan
Kewangan Generasi Milenial

Scammer? Jangan Jadi
Mangsa Mereka!


Beli Sekarang, Bayar
Kemudian – Berbelanja Tanpa
Menggunakan Wang Anda

PENDERAAN KEWANGAN TERHADAP WARGA EMAS

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



IMBAS KOD QR
UNTUK MUAT TURUN
MAJALAH RINGGIT



Isi Kandungan

04 Penderaan Kewangan Terhadap Warga Emas



10 Memupuk Daya Ketahanan Kewangan Generasi Milenial



07 Pengurusan Perbelanjaan Kesihatan: Memahami Kemudahan Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Untuk Keperluan Kesihatan



17 *Scammer?* Jangan Jadi Mangsa Mereka!



22 Beli Sekarang, Bayar Kemudian – Berbelanja Tanpa Menggunakan Wang Anda



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor

Dr Saravanan Thambirajah

Sidang Pengarang

Maizatul Aqira Ishak
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pegurusan Kredit (AKPK) dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Agensi Kaunseling dan Pegurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 1, Menara Aras Raya
Jln Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Sesawang: www.akpk.org.my

Financial Education Network (FEN)

Sesawang: www.fenetwork.my

Diurus Terbit Oleh

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crcc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital

Wordlabs Global Sdn Bhd
No. 617, Block D, Kelana Square
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my





Penderaan Kewangan Terhadap Warga Emas

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan Penderaan dan Pengabaian Warga Emas sebagai “Layanan kurang wajar sama ada dilakukan sekali atau berulang kali yang melibatkan hubungan yang berasaskan kepercayaan dan mendatangkan bahaya atau kesusahan kepada orang yang lebih tua”.

Menurut kajian bersama yang dilakukan oleh pasukan penyelidik daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Universiti Malaya (UM), penderaan terhadap warga emas ini boleh berlaku dalam bentuk kewangan, psikologi, fizikal, seksual, dan pengabaian.

Penderaan kewangan adalah yang paling lazim diikuti dengan penderaan psikologi.

Dapatan kajian AKPK dan UM ini mendedahkan bahawa lebih separuh (59%) daripada mangsa penderaan warga emas ini mengalami penderaan kewangan manakala majoriti (81%) mengalami sama ada penderaan kewangan atau psikologi.

‘Wabak Senyap’

Apa yang lebih membimbangkan, penderaan kewangan ialah sejenis ‘wabak senyap’. Ini bermaksud, penderaan kewangan jarang diakui, malah diabaikan oleh ramai pihak.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi Malaysia 2018 melaporkan bahawa satu daripada tiga mangsa di Malaysia tidak berkongsi kisah mereka dengan sesiapa pun.

Oleh kerana itu, mengenali profil mangsa adalah sangat penting. Berdasarkan kajian, warga emas daripada kumpulan pendapatan isi rumah bulanan terendah (bawah RM500 sebulan) ialah kumpulan yang paling terdedah. Mereka yang tinggal bersendirian (17.8%) pula lebih berkemungkinan mengalami penderaan kewangan berbanding dengan mereka yang tinggal bersama orang lain (suami, isteri atau anak-anak).

Pendapatan rendah, tinggal bersendirian, berumur 70 tahun atau lebih, dan status kesihatan yang lemah antara ciri mangsa yang berisiko untuk didera.

Selain itu, kajian juga mendapati risiko penderaan kewangan meningkat dengan usia mangsa. Kumpulan umur yang lebih muda (60 hingga 69 tahun) didapati kurang berisiko berbanding dengan kumpulan umur yang lebih tua (70 tahun atau lebih). Di samping itu, warga emas yang mempunyai kesihatan yang lemah juga berisiko lebih tinggi untuk menjadi mangsa.

Penderaan warga emas memberi kesan kepada jangka hayat mereka. Kajian mendapati peratusan kematian adalah lebih tinggi, yakni 23% daripada responden meninggal dunia, selepas 6 tahun hidup dalam penderaan.

Keadaan ini amat membimbangkan memandangkan penderaan warga emas diramalkan meningkat di Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, menjelang tahun 2030, Malaysia akan menjadi negara menua. 15% daripada penduduknya bakal berumur 60 tahun ke atas. Menjelang 2040 pula, akan terdapat tiga warga emas bagi setiap 20 orang penduduk.



LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN WARGA EMAS

Laporan yang dikeluarkan oleh AKPK mencadangkan senarai tindakan yang perlu diambil untuk melindungi warga emas dalam isu penderaan kewangan.

Peranan orang awam:



- ▶ Cakna gejala penderaan dan pengabaian warga emas
- ▶ Tahu cara mendapatkan bantuan dan melaporkan kejadian penderaan warga emas kepada pihak berwajib

Peranan warga emas:



- ▶ Sentiasa menghubungi ahli keluarga dan sahabat handai
- ▶ Mengetahui hak-hak warga emas
- ▶ Menggunakan khidmat pakar atau profesional untuk bantuan sokongan
- ▶ Memastikan status kewangan dan urusan perundangan terkawal
 - * Berunding dengan peguam atau ahli keluarga yang dipercayai sebelum membuat pelaburan atau pembelian yang besar
 - * Pastikan semua dokumen bank, resit kad kredit dan rekod kewangan dikoyak sebelum dibuang
 - * Semak dan saring latar belakang individu/bakal penjaga

Peranan keluarga dan penjaga tidak rasmi:



- ▶ Mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga dan sahabat yang lain
- ▶ Mengambil cuti rehat sekali-sekala daripada tugas menjaga warga emas
- ▶ Mendapatkan bantuan sokongan daripada pusat kesihatan setempat dan khidmat sosial

Pengurusan Perbelanjaan Kesihatan: Memahami Kemudahan Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Untuk Keperluan Kesihatan



Pengurusan kewangan seseorang tidak terbatas pada perancangan dana persaraan sahaja, tetapi juga memerlukan penyediaan dana kecemasan, terutamanya berkaitan dengan kos penjagaan dan rawatan kesihatan.

Saban tahun, kos perubatan di Malaysia semakin meningkat. Oleh itu, kos kesihatan akan menjadi kos perbelanjaan paling utama yang perlu dipertimbangkan dalam pengurusan kewangan selepas persaraan.

Pada masa ini, rakyat Malaysia menikmati jangka hayat yang semakin panjang. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), peratusan penduduk Malaysia yang termasuk dalam kategori warga emas (berumur 65 tahun dan ke atas)

telah meningkat kepada 7.3% pada tahun 2022 berbanding dengan 7% pada tahun 2021. Ini menunjukkan bahawa Malaysia sedang menuju ke arah negara menua menjelang tahun 2030.

Dengan peningkatan purata jangka hayat individu, kesihatan diri juga mengalami kemerosotan. Oleh itu, individu yang semakin meningkat usia perlu mendapatkan rawatan kesihatan secara berkala.

Pada 13 Oktober 2023, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah membentangkan Belanjawan 2024 (Belanjawan Madani Kedua) yang memperkenalkan pelbagai inisiatif kesihatan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Peruntukan sebanyak RM41.2 bilion untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilihat sebagai salah satu usaha kerajaan dalam membantu rakyat menangani kos kesihatan yang kian meningkat. Peruntukan ini juga dijangka dapat meningkatkan mutu kesihatan serta memberikan keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat.

LANGKAH MENGURANGKAN KOS KESIHATAN

Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil bagi membantu mengurangkan kos kesihatan pada masa akan datang, iaitu:

Amalkan gaya hidup sihat



Amalan gaya hidup sihat akan melahirkan fizikal dan mental yang sihat. Di samping itu, ia dapat mengurangkan juga risiko penyakit kronik. Antara amalan gaya hidup sihat adalah dengan melakukan senaman fizikal secara berkala, memilih makanan yang seimbang, meminum air kosong secukupnya, tidak merokok serta mendapatkan tidur yang mencukupi.

Dapatkan kad perubatan atau polisi insurans/takaful

Bagi anda yang mempunyai kad perubatan atau polisi insurans/takaful, anda tidak perlu bimbang tentang kos rawatan kesihatan kerana ia dapat menampung bil perubatan anda. Selain itu, anda juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta. Kelebihan menerima rawatan di hospital swasta adalah termasuk perkhidmatan yang lebih cepat, kemudahan yang lebih moden, dan keselesaan yang diberikan kepada pesakit.



Kemudahan Pengeluaran Perbelanjaan Kesihatan KWSP

Tahukah anda, KWSP menyediakan pilihan pengeluaran melalui Akaun 2 bagi membantu anda menguruskan kos kesihatan?

KWSP membenarkan sebahagian pengeluaran daripada Akaun 2 bagi menampung perkara seperti berikut:

- ▶ Kos rawatan bagi jenis penyakit yang diluluskan oleh KWSP
- ▶ Peralatan kesihatan
- ▶ Rawatan kesuburan



Pengeluaran Perbelanjaan Kesihatan KWSP tidak terhad kepada diri sendiri sahaja, malah boleh digunakan untuk membiayai kos rawatan bagi pasangan, ibu bapa (kandung, angkat, tiri, mentua), anak-anak (kandung, angkat, tiri) dan adik-beradik (kandung), sekiranya anda belum mencapai umur 55 tahun. Untuk maklumat berkaitan pengeluaran ini, anda boleh klik pautan di bawah:

KETAHUI MAKLUMAT PENGELUARAN YANG TERSEDIA



i-Lindung

KWSP juga menyediakan Pelan Perlindungan Ahli (PPA) melalui platform i-Lindung yang direka khusus untuk memudahkan pembelian produk insurans/takaful yang diluluskan oleh KWSP bagi memenuhi keperluan anda dan ahli keluarga anda. Anda boleh memilih perlindungan hayat dan/atau perlindungan penyakit kritikal dengan harga yang berpatutan dengan pengeluaran simpanan daripada Akaun 2 untuk pembayaran tahunan bagi ahli di bawah 55 tahun, atau daripada Akaun Emas bagi ahli yang berusia 55 tahun ke atas. Anda boleh memohon dengan mudah melalui aplikasi **KWSP i-Akaun!**

SAYA INGIN TAHU MENGENAI i-LINDUNG



Dengan peningkatan jangka hayat dan kos penjagaan kesihatan, pengurusan perbelanjaan perubatan tampak menjadi semakin mencabar. Dalam keadaan ini, akaun KWSP anda boleh menjadi sumber sokongan kewangan yang penting, bukan hanya untuk membayar bil perubatan anda sendiri, tetapi juga untuk insan yang anda kasihi. Oleh itu, anda perlu menggunakan Akaun KWSP (Akaun 2) secara berhemat untuk memastikan ketersediaan sumber kewangan pada saat-saat yang diperlukan.



MEMUPUK DAYA KETAHANAN KEWANGAN GENERASI MILENIAL

Jika anda berusia antara 25 hingga 40 tahun, anda ialah sebahagian daripada generasi milenial.

Jumlah [generasi milenial yang bekerja](#) di Malaysia dijangka akan meningkat kepada 75% pada tahun 2025. Generasi ini merupakan tulang belakang kepada ekonomi negara. Oleh sebab itu, kesan pandemik COVID-19 terhadap generasi milenial harus diberi perhatian. Mengikut kertas kerja [Khazanah Research Institute \(KRI\)](#), pandemik COVID-19 telah memberi kesan secara langsung kepada golongan belia melalui peningkatan kadar pengangguran dan jurang pendapatan. Situasi ini lebih dirasai bagi mereka yang terjejas akibat pengurangan gaji atau pemberhentian kerja.

Oleh itu, generasi milenial perlu memahami dan memiliki daya ketahanan kewangan serta merancang bagaimana untuk menyimpan dan membelanjakan wang mereka dengan bijak. Konsep daya ketahanan kewangan ini disokong oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang merupakan salah satu ahli Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN).

BAGAIMANA GENERASI MILENIAL BOLEH MEMUPUK DAYA KETAHANAN KEWANGAN?

Dari umur 25 hingga 40 tahun, anda sedang mengembangkan kerjaya dan menjaga kelangsungan hidup keluarga anda. Dalam kesibukan ini, jangan lupa untuk menguruskan kewangan anda dengan 3 tabiat kewangan sihat seperti berikut:

1. MENYEDIAKAN TABUNG KECEMASAN



Tabung kecemasan merupakan jaringan kewangan yang paling penting. Ia diperlukan dalam situasi kecemasan yang tidak diduga, seperti kehilangan pekerjaan atau ditimpa kemalangan. Tahukah anda, hanya **24% rakyat Malaysia** berupaya menampung kehidupan mereka selama 3 bulan jika mereka hilang mata pencarian? Secara tidak langsung, generasi milenial telah menyumbang kepada peratusan yang membimbangkan ini.

Oleh itu, generasi milenial perlu menyediakan simpanan tabung kecemasan yang mencukupi untuk menampung sekurang-kurangnya 6 bulan perbelanjaan yang meliputi tempat tinggal, makanan, bil utiliti, pengangkutan dan sebagainya. Oleh yang demikian, anda boleh mula menyediakan tabung kecemasan melalui **4 langkah mudah**. Sila semak [pautan ini](#).

Tabung kecemasan dapat memberikan ketenangan minda dan jiwa kerana sebarang situasi kecemasan boleh menelan perbelanjaan yang besar.

2. MENDAPATKAN PERLINDUNGAN INSURANS/TAKAFUL



Walaupun kita sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat, tetapi tahap kesihatan boleh berubah sekelip mata. Tambahan pula, kebanyakan golongan milenial sekarang lebih mudah terdedah kepada penyakit seperti [tekanan darah tinggi](#) dan [kemurungan](#).

Dalam sesetengah senario, golongan ini mungkin tidak dapat meneruskan pekerjaan atau perniagaan untuk memperoleh pendapatan. Ini menjejaskan keupayaan mereka untuk terus bertahan dari sudut kewangan.

Justeru, perlindungan insurans/takaful adalah penting untuk mengurangkan risiko anda terhadap sebarang ketidakpastian, sekali gus mengukuhkan lagi daya ketahanan kewangan anda.

Namun, anda juga perlu tahu perbezaan antara pelan-pelan insurans/takaful yang ada dari segi manfaat dan perlindungan yang diberikan untuk memilih pelan yang sesuai dengan keperluan anda. [Pautan ini](#) memberikan maklumat terperinci mengenai pelbagai pelan insurans/takaful yang terdapat dalam pasaran masa kini.

Pemilik sijil takaful dan polisi insurans juga akan dilindungi daripada kehilangan manfaat takaful dan insurans sekiranya ahli penginsurans PIDM muflis. Perlindungan ini disediakan oleh PIDM secara automatik — tiada permohonan dan tiada bayaran untuk perlindungan ini. Untuk maklumat lanjut, sila semak [pautan ini](#).

3. SENTIASA MENGURUSKAN HUTANG ANDA



Pengurusan hutang yang baik juga ialah salah satu langkah penting dalam memastikan kewangan anda sentiasa kukuh. Jika anda sentiasa memantau jumlah hutang yang ada, anda dapat mengurus hutang secara menyeluruh dan membayar jumlah ansuran yang sesuai dengan jumlah pendapatan bulanan anda. Satu cara mudah untuk anda mengurus hutang adalah dengan membuat pengiraan nisbah pembayaran hutang anda. Berikut ialah contoh **pengiraan nisbah pembayaran hutang (DSR)** untuk menilai komitmen hutang anda berbanding dengan pendapatan bulanan anda. Institusi kewangan biasanya akan melihat kelayakan anda melalui DSR dalam menentukan kelayakan pinjaman baharu dan jumlah yang layak dipohon.

DSR = (Jumlah komitmen bulanan ÷ pendapatan bulanan) x 100%

Jumlah komitmen bulanan	RM700 pinjaman kereta + RM200 PTPTN + RM200 kad kredit = RM1,100
Pendapatan bulanan	RM5,000
DSR = (RM1,100 ÷ RM5,000) x 100% = 22%	

Kebiasaannya, DSR antara 31% hingga 50% dilihat sebagai nisbah hutang yang baik berbanding dengan pendapatan.

Sudah tentu salah satu cara generasi milenial boleh menambah baik DSR adalah dengan mengutamakan pembayaran hutang. Selain itu, mereka juga boleh menambah pendapatan dengan melakukan pekerjaan tambahan sebagai pekerja bebas (*freelancer*) atau pekerja sambilan dalam sektor ekonomi gig. Generasi milenial harus sentiasa memastikan DSR mereka berada dalam keadaan yang baik agar pemberi pinjaman yakin dan selesa dengan kestabilan kewangan mereka. Konsep daya ketahanan kewangan ialah suatu usaha yang berterusan. Oleh itu, tabiat kewangan yang sihat perlu diamalkan untuk terus mempertingkatkan daya ketahanan kewangan anda.

3 TABIAT KEWANGAN SIHAT

1. MENGURUSKAN PERBELANJAAN

Langkah pertama dalam menguruskan perbelanjaan secara berkesan adalah dengan mengenal pasti jumlah pendapatan bersih selepas cukai.



Jika anda mempunyai pendapatan sampingan melalui kerja sambilan atau pekerjaan bebas, pastikan anda menolak segala perbelanjaan cukai dan perbelanjaan perniagaan sebelum mengira jumlah keseluruhan.

Seterusnya, kenal pasti jumlah perbelanjaan bulanan tetap dan tidak tetap serta perbelanjaan tahunan anda. Cara ini dapat mengelakkan anda daripada mengeluarkan jumlah wang yang banyak secara serentak, dan menjadikan anda lebih bersedia menguruskan segala perbelanjaan.

PERBELANJAAN BULANAN	PERBELANJAAN TAHUNAN
<p>Perbelanjaan tetap:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran pinjaman/hutang/sewa rumah • Utiliti rumah • Bil kad kredit <p>Perbelanjaan tidak tetap:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Makanan harian • Kos pengangkutan • Barangan runcit <p>Kos bulanan tambahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Langganan hiburan seperti Internet, <i>Netflix</i>, <i>Spotify</i> dan lain-lain • Keahlian gim • Pelan telefon bimbit 	<ul style="list-style-type: none"> • Insurans dan cukai jalan kereta • Pemeriksaan kesihatan (termasuk pergigian dan optometri) • Penyelenggaraan rumah • Yuran tahunan kad kredit • Yuran keahlian tahunan (kelab/persatuan/kedai runcit/pasar raya)

Perbelanjaan yang terurus dapat memastikan anda sentiasa berbelanja mengikut bajet dan bukannya di luar kemampuan diri.

2. PELBAGAIKAN SUMBER PENDAPATAN ANDA

Selain daripada mengurus kewangan secara bijak, anda juga boleh mempertimbangkan untuk menambah pendapatan anda melalui pelbagai cara.



Antara cara popular untuk menambah sumber pendapatan adalah:

- Memulakan perniagaan dalam talian dengan menyediakan makanan, minuman, perkhidmatan sendiri atau *dropship*.
- Menyedia dan menjual kandungan digital (e-buku, templat, stok fotografi, pembelajaran dalam talian, menghasilkan *jingle* lagu, mencipta aplikasi).
- Melakukan pekerjaan jarak jauh (*virtual assistant* atau pembantu maya, jualan dalam talian, khidmat pelanggan, mengajar dalam talian).
- Menukarkan minat dan hobi kepada skil atau kemahiran yang boleh dipasarkan.

Walaupun sesetengah pekerjaan mungkin memberikan pulangan yang sedikit, apa yang penting ialah usaha dan disiplin anda dalam mencapai daya ketahanan kewangan yang kukuh.

3. MENGUKUHKAN PENGETAHUAN KEWANGAN

Menjadi seseorang yang berpengetahuan luas dalam aspek kewangan ialah perkara yang penting dalam mempertingkatkan daya ketahanan kewangan.



Berikut ialah beberapa langkah mudah untuk anda meningkatkan pengetahuan kewangan anda:

- Belajar untuk menyediakan bajet
- Mula menabung
- Rajin membaca agar pengetahuan kewangan lebih luas
- Menghadiri bengkel kewangan

Anda juga boleh melayari laman web seperti [Jaringan Pendidikan Kewangan \(FEN\)](#), [Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit \(AKPK\)](#) dan laman web kempen daya ketahanan kewangan PIDM di [sini](#). #SediaPayungKewangan

Perkongsian di atas adalah antara cara yang terbaik untuk memastikan daya ketahanan kewangan anda terus kekal. Ingat, tidak kira anda daripada generasi milenial, *baby boomer*, X atau Z, setiap amalan kewangan anda hari ini menjadi penentu kepada kestabilan kewangan anda di masa hadapan.

Scammer? **Jangan Jadi Mangsa Mereka!**

Kemajuan teknologi komunikasi masa kini semakin meluas penggunaannya baik untuk tujuan peribadi mahupun perniagaan. Berselari dengan perkembangan ini, media sosial menjadi jaringan komunikasi utama bagi individu dan usahawan untuk berhubung, mencari dan menyebarkan maklumat.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), capaian isi rumah kepada Internet di negara ini telah meningkat kepada 97.7% pada tahun 2023 berbanding dengan 96% pada tahun 2022. Penggunaan Internet yang tertinggi pula ialah akses terhadap media sosial.

Ini merupakan satu perkembangan yang baik dari sudut penggunaan teknologi oleh rakyat Malaysia. Namun, kepesatan pembangunan dan kecanggihan teknologi ini turut disalahgunakan oleh segelintir individu untuk menipu masyarakat demi kehendak dan keuntungan peribadi. Golongan ini ialah sindiket penipuan kewangan atau lebih dikenali sebagai *scammer*.

Tahukah anda?

Sebanyak 68% jenayah komersial yang dilaporkan ialah jenayah penipuan dalam talian (PDRM, 2022).

Tipu muslihat yang dilakukan oleh sindiket penipuan ini bukan sahaja disasarkan kepada individu, malah juga kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Semuanya demi mendapatkan keuntungan yang besar terutamanya ketika ramai usahawan terjejas dari aspek kewangan sewaktu pandemik yang lalu.

Baik masyarakat umum mahupun usahawan, anda dinasihatkan agar sentiasa berwaspada terhadap tipu muslihat sindiket penipuan yang menawarkan janji manis yang memperdayakan.

PERNAHKAH ANDA MENDENGAR ATAU MEMBACA BERITA BERKENAAN PENIPUAN KEWANGAN SEPERTI INI?

“Bekas pensyarah kena ‘scam’, **RM1.43 juta** lesap”
(Sinar Harian, 2024)

“Peniaga rugi hampir **RM700,000** angkara ‘phone scam’”
(Berita Harian, 2024)

“Pesara guru kena scam, rugi lebih **RM400,000**”
(Berita Harian, 2024)

“Suri rumah kena ‘scam’, wang KWSP, insurans **RM229,600** lesap”
(Sinar Harian, 2024)

“**RM42 juta** lesap angkara ‘scammer’”
(Astro Awani, 2024)






Pasti anda tidak mahu perkara seperti di atas terjadi kepada diri sendiri mahupun ahli keluarga. Oleh itu, anda perlu berjaga-jaga dan mengambil langkah pencegahan agar tidak terpengaruh dengan muslihat dan tawaran daripada sindiket penipuan.

Berikut adalah antara langkah pencegahan yang boleh dilaksanakan:

Jangan melakukan pemindahan wang dalam talian kepada orang yang tidak dikenali

Situasi penipuan biasa: Anda menerima e-mel daripada seseorang yang mendakwa dirinya sebagai kerabat diraja yang baru sahaja mendapat warisan harta ekoran kemangkatan ahli keluarganya. Disebabkan statusnya di negara asing, dia memerlukan bantuan anda untuk memindahkan wang yang banyak daripada akaun asing. Sebagai ganjaran, anda akan menerima bayaran yang berlipat kali ganda daripada wang yang dipindahkan.



Jangan kongsi maklumat kewangan sewenang-wenangnya

Jangan dedahkan sebarang maklumat kewangan anda yang sensitif kepada individu atau entiti perniagaan yang tidak dikenali sama ada melalui telefon, pesanan teks atau e-mel. Anda perlu ingat bahawa pihak bank atau institusi kewangan sama sekali tidak akan meminta maklumat perbankan peribadi seperti Kod Pengesahan Transaksi (*Transaction Authorisation Code, TAC*), Nombor Pengenalan Peribadi (*Personal Identification Number, PIN*), nama pengguna dalam talian (*online username*) dan kata laluan (*password*).



Jangan klik pautan e-mel yang diragui

Jika anda menerima e-mel daripada seseorang atau entiti asing yang tidak dikenali dan meminta anda untuk menekan pautan atau membuka lampiran e-mel yang memerlukan anda memasukkan maklumat kewangan anda, sila padam e-mel tersebut serta-merta!



Berhati-hati membeli daripada penjual asing dalam talian

Lakukan transaksi dengan pihak-pihak yang anda kenali atau mereka yang mempunyai latar belakang yang boleh dipercayai sahaja. Anda perlu lebih berhati-hati sebelum membuat pembelian terutama pembelian secara dalam talian. Anda digalakkan untuk melihat maklum balas daripada pelanggan-pelanggan mereka terlebih dahulu dan memastikan sama ada perniagaan itu wujud atau sebaliknya.



Gunakan kata laluan yang lebih kukuh dan sukar digodam

Secara amnya, kata laluan yang hanya terdiri daripada kombinasi nombor atau nama haiwan peliharaan adalah lebih mudah digodam. Anda digalakkan membina kata laluan dengan gabungan huruf besar, huruf kecil, nombor dan simbol atau menggunakan frasa yang unik dan pelik seperti menggantikan huruf A dengan nombor 4 dan huruf B dengan nombor 8, sebagai contoh.



Pasang perisian anti-intip dan antivirus

Maklumat sensitif dan peribadi yang disimpan dalam peranti atau komputer anda wajar diberi perlindungan melalui perisian anti-intip, tembok api dan antivirus. Perisian ini dapat memberi perlindungan daripada ancaman kecurian identiti dan lebih terjamin sebelum atau ketika anda melayari Internet.

**Jangan muat turun perisian daripada notifikasi yang diragui seperti *pop-up window***


Apabila anda berada dalam talian, berhati-hati dengan *pop-up window* yang kadang kala mendakwa komputer anda tidak selamat dan meminta anda menekan pautan yang tertera. Jika anda berbuat demikian, perisian berbahaya (*malware*) mungkin akan dimuat turun ke dalam komputer anda dan merosakkan sistem operasi komputer.

**Pastikan laman web yang anda layari adalah selamat**

Sebelum memasukkan maklumat kewangan anda di mana-mana laman web, semak status privasi laman web tersebut seperti <https://www...> (bukan <http://www...>).



Kesimpulannya, anda digalakkan untuk mengkaji secara terperinci sebelum melakukan sebarang tindakan dan keputusan terutamanya melibatkan individu yang tidak kenali. Bekalkan diri dengan ilmu agar anda dapat mengenal pasti jenis skim penipuan yang digunakan oleh sindiket dan seterusnya menghindarkan diri daripada menjadi mangsa mereka. Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.



Beli Sekarang, Bayar Kemudian – Berbelanja Tanpa Menggunakan Wang Anda

Apa itu Beli Sekarang, Bayar Kemudian?

Beli Sekarang, Bayar Kemudian atau *Buy Now, Pay Later* (BNPL) ialah suatu kaedah yang membenarkan pengguna membayar sesuatu harga barangan atau perkhidmatan secara berperingkat atau ansuran. Malah, kebanyakan penyedia perkhidmatan BNPL menawarkan beberapa pilihan kaedah pembayaran ansuran untuk kemudahan pengguna. Secara asasnya, penyedia perkhidmatan BNPL akan menanggung kos barangan atau perkhidmatan tersebut terlebih dahulu dan pelanggan pula perlu membayar balik jumlah tersebut secara ansuran dalam tempoh tertentu. Jadi, pengguna perlu faham bahawa BNPL juga merupakan salah

satu bentuk pinjaman kerana bayaran akan dilakukan secara berperingkat oleh pengguna dalam tempoh 3 atau 6 bulan, mengikut ketetapan penyedia perkhidmatan BNPL.

Tidak hairanlah sekiranya BNPL semakin popular dalam kalangan pengguna kerana BNPL merupakan pilihan yang lebih baik daripada kad kredit atau peminjam wang tidak berlesen. Dengan BNPL, pengguna mampu membeli lebih banyak barangan atau perkhidmatan secara serentak tanpa perlu memikirkan tahap kemampuan kewangan mereka. Pembelian boleh dibuat dengan bayaran pendahuluan yang bermula dari sifar sehingga kadar maksimum 25% tanpa sebarang kadar faedah.

Selain itu, syarat kelayakan bagi BNPL pula tidak memerlukan skor kredit yang cemerlang seperti kad kredit atau pinjaman bank. Di Malaysia, syarat asas kelayakan untuk mendaftar dalam perkhidmatan BNPL adalah berwarganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas, serta mempunyai kad debit, nombor telefon dan alamat e-mel. Justeru, pengguna boleh menikmati pembelian barangan atau perkhidmatan dengan lebih mudah melalui kaedah BNPL.

RISIKO KEWANGAN BNPL

Tanpa memahami risiko yang tersembunyi di sebalik kelebihan BNPL, kaedah ini boleh menyebabkan lebih banyak risiko kewangan kepada pengguna, terutama mereka yang kurang mahir dalam pengurusan kewangan. Berikut ialah perkara yang pengguna perlu ambil tahu sebelum menggunakan BNPL:

- ▶ Anda perlu tahu status kewangan dan keupayaan anda dalam menguruskan komitmen hutang yang sedia ada sebelum anda menambah komitmen hutang yang baharu melalui kaedah BNPL. Oleh itu, semak tahap kewangan anda dengan teliti sebelum mendaftar untuk memastikan anda tidak terbeban dengan hutang di luar kemampuan anda.
- ▶ Soalan penting yang perlu anda tanya pada diri sendiri adalah seperti berikut:
 - * Adakah pembelian itu merupakan suatu keperluan untuk diri saya? Adakah saya akan menyesal di kemudian hari?
 - * Adakah kaedah BNPL yang membuatkan saya mampu untuk membeli barangan tersebut?
 - * Adakah saya pasti saya mampu untuk membayar hutang ansuran tersebut setiap bulan? Adakah saya akan membuat bayaran tepat pada masanya?



Secara umumnya, membeli barangan atau perkhidmatan secara tunai adalah lebih baik dan lebih mudah. Malah, cara ini kurang berisiko dan lebih bertanggungjawab dari aspek pengurusan kewangan. Jika anda sebenarnya tidak mampu dan tidak memerlukan barangan atau perkhidmatan tersebut, anda harus mengelak daripada menggunakan BNPL. Sebagai contoh, jika beg berjenama yang anda inginkan hanya sekadar kehendak dan hanya boleh dibeli dengan cara berhutang, anda mungkin perlu mempertimbangkan semula pembelian tersebut.

Cuba anda bayangkan jika berlaku kecemasan secara tiba-tiba yang memerlukan duit dengan kadar segera tetapi pada masa yang sama anda perlu membayar hutang ansuran untuk beg berjenama tersebut, sudah tentu anda akan mula menyesal dengan pembelian tersebut.

Jika pun anda layak membuat pembelian menggunakan kaedah BNPL pada kali kedua, anda perlu fikir bahawa hutang komitmen bulanan anda akan semakin bertambah malah tempoh berhutang juga akan bertambah. Dengan kemudahan BNPL ini, pengguna dilihat cenderung untuk terlalu bergantung pada kaedah BNPL kerana kaedah pembeliannya terlalu mudah buat pengguna.

Pengguna mungkin seronok membeli menggunakan kaedah BNPL tetapi mereka juga berisiko terbeban dengan timbunan hutang ansuran sehingga mereka tidak mampu lagi membayar hutang-hutang tersebut.


Jika anda terlepas membuat bayaran BNPL, apakah yang akan berlaku?

Kaedah BNPL sememangnya akan meningkatkan jualan bagi peniaga yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Malah peniaga tersebut akan mendapat manfaat apabila pengguna tidak membuat bayaran tepat pada masanya kerana pengguna akan dikenakan kadar caj bayaran lewat yang tinggi.

Apabila anda mendaftar untuk menggunakan kaedah BNPL, anda perlu ingat bahawa kaedah ini merupakan satu bentuk pinjaman, bukan sekadar pembelian biasa. Oleh itu, anda perlu tahu apa yang akan berlaku jika anda terlupa membuat bayaran mengikut masa yang telah ditetapkan.

Kebanyakan penyedia perkhidmatan BNPL mengenakan kadar caj yang tinggi jika anda lewat membayar hutang ansuran. Malah, kadar caj tersebut lebih tinggi daripada kadar caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan pinjaman berdaftar yang lain dan juga kad kredit. Tiada agensi yang mengawal kadar faedah yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan BNPL kepada pelanggannya di Malaysia buat masa ini.

Oleh sebab itu, kaedah BNPL dibimbangi akan memerangkap pengguna yang kurang mahir dalam pengurusan kewangan.



Kelewatan membayar hutang ansuran BNPL akan menjejaskan skor kredit pengguna.

Pengguna tersebut akan berdepan dengan timbunan hutang yang melebihi kemampuan kewangan mereka. Malah, nama pengguna yang lewat membayar hutang ansuran tersebut akan diserahkan kepada agensi pengutip hutang. Berdasarkan aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), agensi pengutip hutang boleh bertindak di luar kawalan dan mengganggu pengguna tersebut sehingga menjejaskan kesihatan mental mereka.

Selain itu, kelewatan membayar hutang ansuran BNPL juga akan menjejaskan skor kredit pengguna, dan ini akan menyukarkan pengguna membuat pinjaman yang lebih penting di masa hadapan seperti pinjaman perumahan atau pendidikan untuk diri sendiri atau anak-anak. Hal ini adalah kerana kebanyakan penyedia perkhidmatan BNPL akan melaporkan rekod pengguna yang lewat membuat bayaran hutang ansuran kepada agensi pelaporan kredit seperti Agensi Pelaporan Kredit Malaysia (CTOS).

Penambahbaikan BNPL

Berdasarkan aduan yang diterima oleh NCCC, kebanyakan pengguna yang lewat membuat bayaran hutang ansuran akan menerima ugutan daripada pihak penyedia perkhidmatan BNPL bahawa nama mereka akan disenaraikan dalam pangkalan data agensi pelaporan kredit seperti CTOS.

Justeru, NCCC menggesa pihak Kerajaan agar melindungi pengguna terutama pengguna yang kurang mahir dalam pengurusan kewangan dan yang kurang sedar tentang perlindungan data peribadi melalui penguatkuasaan undang-undang BNPL bagi mengurangkan risiko kewangan daripada kaedah BNPL ini.

Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu mengawal selia agensi yang bertanggungjawab untuk menyemak kontrak antara penyedia perkhidmatan BNPL dan pengguna. Malah, jumlah kelulusan pinjaman BNPL kepada pengguna juga perlu diteliti semula bagi mengelakkan pengguna berbelanja di luar kemampuan mereka.

Di Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sedang mengkaji untuk mengawal selia industri BNPL melalui Akta Kredit Pengguna 2024. Komponen utama akta tersebut adalah untuk melindungi pengguna daripada risiko kewangan. Oleh itu, NCCC menyeru agensi berkenaan untuk meneliti 4 perkara utama seperti berikut:

1. Industri BNPL perlu dikawal selia sama seperti mana-mana penyedia perkhidmatan pinjaman berdaftar yang lain — bayaran yuran, kadar faedah dan caj bayaran lewat perlu mempunyai had yang tertentu. Selain itu, kaedah pemasaran yang tidak diminta oleh pengguna perlu disekat dan isu pengumpulan data peribadi pengguna juga perlu diberi perhatian supaya privasi pengguna sentiasa dilindungi.
2. Penyedia perkhidmatan BNPL dikehendaki untuk menilai kemampuan kewangan pengguna sebelum meluluskan urusan pembelian secara kaedah BNPL
3. Kaedah ganti rugi yang mesra pengguna perlu disediakan sekiranya berlaku pertikaian antara pengguna dan penyedia perkhidmatan BNPL
4. Semua terma dan syarat mestilah adil dan saksama kepada pengguna. Ketelusan syarat ini adalah penting, terutamanya mengenai kadar caj bayaran lewat dan akibat bayaran lewat. Maklumat ini bukan sahaja perlu telus tetapi boleh dilihat dalam bentuk yang mudah difahami oleh pengguna.

Memandangkan BNPL merupakan satu bentuk pinjaman yang mudah didapatkan oleh pengguna, mereka perlu membuat keputusan yang bijak dan berbelanja mengikut kemampuan kewangan masing-masing. Ketahuilah bahawa risiko tersembunyi di sebalik kelebihan BNPL ini akan menjejaskan tahap kesejahteraan kewangan anda. Fikir terlebih dahulu sebelum berbelanja melalui kaedah BNPL supaya anda mampu membayarnya dalam tempoh yang ditetapkan.

Sila layari laman sesawang Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), www.nccc.org.my dan klik [E-ADUAN](#) untuk membuat sebarang aduan. Pengguna juga boleh menghubungi NCCC di talian [03-7877 1076](tel:03-78771076).

4 FAKTOR MENYUMBANG KEPADA HUTANG BERLEBIHAN



1. Kurang Sabar & Tamak
 Mahu cepat kaya dan mudah terpengaruh dengan tawaran yang mencurigakan.



Solusi: Belajar disiplin perancangan kewangan yang betul.



2. Gaya Hidup
 Berbelanja mewah untuk kepuasan diri atau perhatian orang semata-mata.



Solusi: Nilai kemampuan, buat bajet untuk berbelanja dan hadkan hutang.



3. Keadaan Luar Jangka
 Macam-macam perkara yang melibatkan wang boleh berlaku seperti hilang kerja.



Solusi: Sediakan tabung kecemasan untuk perbelanjaan minimum 3 bulan.



4. Trend Sosial
 Berbelanja secara kompulsif kerana terikut-ikut trend semasa.



Solusi: Abaikan trend jika ia menjejaskan bajet atau matlamat kewangan anda.

ENROLL NOW